

7 individu merokok dikompaun

Kuala Lumpur: Tujuh individu dikompaun kerana merokok dalam Operasi Larangan Merokok di sebuah kompleks beli-belah di sini, Khamis lalu.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan operasi itu bermula kira-kira jam 10 pagi.

“Operasi dijalankan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL disertai seramai lapan anggota diketuai oleh Muhammad Sharul Mohd Nasir.

“Tujuh individu dikompaun selepas didapati merokok di kawasan larangan dan dikenakan notis 11(1)(n) di bawah Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004,” katanya.

Menurutnya, pihak pengurusan kompleks beli-belah terbabit juga disarankan untuk menambah lebih banyak papan tanda larangan merokok terutama di kawasan tempat parkir kenderaan.

“Pihak pengurusan itu turut dimaklumkan supaya menggunakan tong sampah yang tidak bersekali dengan tempat membuang abu rokok bagi mengelakkan pelanggan atau pekerja merokok di dalam premis.

“Nasihat dan pendidikan kesihatan turut diberikan berkenaan penguatkuasaan kawalan hasil tembakau kepada orang awam,” katanya yang memaklumkan ketua penyelaras operasi itu adalah Timbalan Pengarah Kanan JKAS Dr Norhalizam Ismail.